

# Tasawur Akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah: Konsep, Dasar dan Ciri-ciri<sup>1</sup>

Wan Adli Wan Ramli<sup>2</sup>

## Pendahuluan

Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah adalah aliran dan tafsiran akidah Islam yang paling tepat serta dipersetujui oleh majoriti ulama sejak zaman awal Islam lagi. Akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah dapat diketahui dan dikenali dengan meneliti 15 rukun, seperti yang dibentangkan oleh Abū Maṣṣūr 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir al-Baghdādī (m.1037/429H) dalam karyanya *al-Farq bayn al-Firaq*. Rukun-rukun ini juga membezakan sistem akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah daripada aliran kepercayaan lain dalam Islam. Oleh itu, pembentangan rukun-rukun ini memadai sebagai suatu tasawur terhadap konsep akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah.

Makalah ini adalah sepenuhnya bersumberkan kepada pemikiran al-Baghdādī dalam *al-Farq bayn al-Firaq*. Secara lebih simplistik, makalah ini boleh dilihat sebagai terjemahan mudah dan terpilih, serta adaptasi longgar terhadap karya ini. Pendekatan ini digunakan atas kepercayaan bahawa pemikiran beliau boleh diterima sebagai mewakili peringkat dasar akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah, walaupun tidak dinafikan adanya berlaku perkembangan lain selepas zaman beliau. Namun, ciri-ciri utama akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah dapat ditonjolkan sepenuhnya walaupun sekadar merujuk kepada al-Baghdādī dalam *al-Farq bayn al-Firaq*.

## 15 Rukun Akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah

Al-Baghdādī menyatakan bahawa ada 15 prinsip akidah yang telah dipersetujui bersama oleh para ulama Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah. 15 prinsip ini merujuk kepada persoalan epistemologi, ketuhanan, kenabian, alam Akhirat, serta persoalan kepimpinan. Boleh dikatakan bahawa 15 prinsip ini adalah indeks yang boleh menentukan sama ada seseorang itu berpegang dengan akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah atau tidak. Dengan itu, ia boleh dikembangkan lagi untuk mengukur "ke'Sunni'an" seseorang individu, secara umumnya. Secara ringkas, 15 prinsip tersebut ialah:<sup>3</sup>

1. Mengisbatkan hakikat dan ilmu.
2. Menyatakan bahawa alam ini adalah segala yang selain Allah dan semuanya adalah baharu dan merupakan makhluk yang diciptakan.
3. Menyatakan bahawa alam ini mempunyai Pencipta yang dapat dikenali sifatNya.
4. Mengimani bahawa Allah mempunyai sifat yang azali.
5. Mengimani bahawa Allah mempunyai nama yang *tawqifi*, iaitu seperti yang dinyatakan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.
6. Mengimani bahawa perbuatan Allah itu adil dan mempunyai hikmat padanya.
7. Mengisbatkan perutusan para rasul dan nabi s.a.
8. Mengisbatkan mukjizat bagi para rasul dan karamat para wali.
9. Beriman dan beramal dengan rukun Islam yang lima, iaitu i) mengucap syahadah, ii) mendirikan solat, iii) mengeluarkan zakat, iv) berpuasa Ramadan, dan v) menunaikan haji.

---

<sup>1</sup> Makalah Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-6, anjuran Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia, bertemakan Pencerahan Tasawur Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah, bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bertarikh 20-21 Mei 2014.

<sup>2</sup> Wan Adli Wan Ramli, PhD, adalah pensyarah kontrak di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dan juga merupakan Naib Presiden, Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia. E-mel: wanadli@um.edu.my.

<sup>3</sup> Abū Maṣṣūr 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2005), 248-249.

10. Menerima taklif Allah yang ditentukan Allah sahaja melalui syariat dan bukan melalui akal atau lain-lain serta hukumnya yang lima, iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram.
11. Menyatakan bahawa Allah berkuasa memfanakan seluruh alam dan manusia akan melalui penghakiman di Akhirat di samping kemungkinan syafaat daripada Nabi Muhammad SAW.
12. Menyatakan bahawa mendirikan pemerintahan adalah suatu kewajipan bagi ummah, tetapi siapa pemimpin yang mesti dilantik tidak dinaskan secara khusus atas individu tertentu.
13. Menegaskan bahawa pada asanya iman adalah makrifat dan tasdik dengan hati, yang secara langsung menolak takfir kepada orang yang berdosa.
14. Menyatakan bahawa manusia mempunyai hierarki kemuliaan berdasarkan takwa, bermula dengan para rasul *ulū al-'azm*, para rasul lain, para nabi, para wali dan seterusnya.
15. Menyatakan bahawa Islam dan Muslim mempunyai musuh yang boleh ditakrifkan dan dikenali.

#### **Pertama: Epistemologi Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah<sup>4</sup>**

Dalam *al-Farq bayn al-Firaq*, al-Baghdādī menyatakan bahawa prinsip pertama akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah ialah mengisbatkan hakikat dan ilmu.<sup>5</sup> Para ulama Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah telah sepakat berijmak dalam mengisbatkan ilmu dan makna bagi ilmu, seperti yang difahami oleh para ulama Muslimin. Maka mereka mengatakan bahawa orang yang menafikan ilmu adalah sesat. Demikian juga mereka mengatakan bahawa golongan Sofis adalah sesat, kerana pemikiran mereka yang menafikan ilmu serta menafikan hakikat bagi ilmu.

Para sofis terdiri daripada tiga golongan iaitu; i) puak yang bebal menolak langsung ilmu; ii) puak yang mengesyaki kewujudan hakikat; dan iii) puak yang mengandaikan bahawa hakikat adalah seperti yang dipercayai atau dipersepsikan oleh manusia lalu puak ini menerima semua kepercayaan bersama-sama pertentangan yang ada antara pelbagai kepercayaan tersebut. Semua kelompok Sofis ini adalah kufur kerana bebal menolak perkara yang menjadi kemestian daruri menurut akal.

Selain itu, Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah menerima bahawa ilmu bersumber daripada pancaindera, akal dan khabar cerita. Sumber akal dapat dibahagikan kepada ilmu yang bersifat langsung (*badīhī*), seperti mengetahui bahawa dua lebih besar daripada satu, dan ilmu yang bersifat pembuktian (*istidlālī*). Khabar cerita juga boleh dibahagikan lagi, kepada khabar mutawatir yang menghasilkan ilmu yang sudah tentu benar, khabar ahad yang mesti diterima dalam aspek penentuan hukum amalan, dan khabar pertengahan (*mutawassit*) yang berada di antara dua yang sebelumnya.

Bersandarkan kemungkinan memperoleh ilmu secara hakiki, Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah mengiktiraf bahawa Allah telah meletakkan suatu tanggungjawab ke atas manusia untuk mengenaliNya. Usaha mengenali Allah adalah pelaksanaan terhadap perintah Allah sendiri. Perintah ini merujuk kepada surah Muḥammad (47):19, apabila Allah berfirman,

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقَلَّبَكُمْ وَمَثْوَاكُمْ.

Terjemahan: Maka ketahuilah bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan mintalah ampun bagi dosamu dan bagi orang yang

<sup>4</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 249-252.

<sup>5</sup> Daud bin Abdullah al-Fatani, *Mutiara Berharga pada Menyatakan Aqidah Orang yang Beriman: al-Durr al-Thamīn fī 'Aqā'id al-Mu'minīn*, ed. Abdul Wahab Mohd Saleh (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013), 14.

beriman lelaki dan perempuan; dan Allah mengetahui akan keadaan gerak-gerimu di dunia dan keadaan penetapan kamu di akhirat.

Bahagian pertama ayat di atas memerintahkan manusia agar mengetahui bahawa sesungguhnya tiada tuhan melainkan Allah. Antara lain, daripada perintah inilah lahirnya ungkapan para ulama bahawa perkara paling awal dalam agama ialah mengenali Allah atau *awwal al-dīn ma'rifah Allāh*. Selanjutnya, manusia juga dipertanggungjawabkan untuk mengenali rasul dan kitab yang diutuskan kepada manusia. Oleh sebab itu, dalam konteks sumber ilmu agama, mereka bersepakat bahawa Islam bersumberkan al-Qur'an, al-Sunnah dan ijmak generasi salaf.

Berkaitan dengan tanggungjawab mengenali Allah ini, dapat diulas bahawa para ulama membincangkan dahulu pendekatan untuk mengenali Allah sebelum proses mengenaliNya dilakukan. Sehubungan itu, dibentuk suatu asas epistemologi bagi menstrukturkan pemikiran manusia dalam soal ilmu. Paling asas, di sini, ditegaskan bahawa hakikat adalah sesuatu yang pasti, khususnya merujuk kepada Allah sebagai Hakikat yang Hakiki. Seterusnya, dipertegaskan bahawa ilmu adalah sesuatu yang boleh dicapai oleh akal manusia. Penegasan ini mempertahankan kemungkinan manusia menanggapi hakikat sesuatu secara hakiki, secara khususnya mengenali Allah secara hakiki.

### **Kedua: Alam adalah Makhluk yang Baharu<sup>6</sup>**

Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah percaya bahawa alam ini baharu. Apa yang dimaksudkan dengan alam pula ialah segala sesuatu yang selain Allah. Sebaliknya pula, dapat difahami bahawa apa sahaja yang selain Allah dan sifatNya yang azali adalah makhluk ciptaanNya. Dengan itu, adalah ternafi bahawa Allah adalah sebahagian daripada alam atau jenis alam yang baharu sifatnya. Sifat baharu alam ini pula dapat diteliti pada pecahannya yang terdiri daripada jauhar dan sifat (*'araḍ*). Sebaliknya, Allah bukanlah jauhar atau *'araḍ* yang boleh dipecah-pecahkan atau dibahagikan.

Perbincangan mengenai komponen alam yang dapat dibahagikan kepada juzuk-juzuk yang lebih kecil merupakan sebahagian daripada perbincangan dasar dalam akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah. Namun, perlu disedari bahawa mereka meyakini bahawa juzuk-juzuk tersebut hanya dapat dibahagikan sehingga suatu had yang tertentu, dengan maksud ada batasan pemecahan bagi juzuk-juzuk komponen alam. Dengan itu, dapat disedari bahawa ada kuasa lain yang mengurus pengumpulan dan pembahagian juzuk-juzuk tersebut.<sup>7</sup>

Selain itu, mereka bersepakat bahawa alam ini akan fana berdasarkan kuasa Allah untuk menghapuskannya dan kemungkinan akal untuk menerimanya, tetapi dalam masa yang sama mereka menerima bahawa Syurga dan Neraka akan kekal berdasarkan ketentuan agama seperti yang telah termaktub dalam al-Qur'an.

Dalam konteks yang lebih luas bagi akidah Islam, menegaskan bahawa alam ini adalah baharu merupakan salah satu premis yang dipegang dalam pendekatan ilmiah untuk mengenal Allah. Hal ini disebabkan premis ini membawa akal kepada pengakuan bahawa adanya pencipta bagi perkara yang baharu. Pendekatan ini turut digunakan dalam pelbagai karya akidah lain, termasuk karya oleh ulama Alam Melayu seperti dalam *al-Durr al-Thamīn* dan *'Aqīdah al-Nājīn*.<sup>8</sup>

---

<sup>6</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 252-255.

<sup>7</sup> Mohd Farid Mohd Shahrān, *Akidah dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2013), 40.

<sup>8</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 46; Zainul Abidin bin Muhammad al-Fathani, *Aqidatun Najin*, dirumikan oleh Noraine Abu (Batu Caves: Al-Hidayah Publications, 2011), 39.

### **Ketiga: Adanya Pencipta bagi Perkara yang Baharu<sup>9</sup>**

Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah percaya bahawa ada pencipta bagi setiap perkara yang baharu. Ini adalah lanjutan langsung daripada rukun kedua di atas. Di samping itu, perlu ditegaskan juga bahawa kepercayaan dan pernyataan mereka ialah bahawa adanya pencipta bagi setiap yang *baharu*, bukan adanya pencipta bagi setiap yang *ada* atau *wujud*. Penciptaan itu pula difahami sebagai mengadakan atau mewujudkan sesuatu daripada tiada kepada ada, bukan melahirkan (*yutawallid*) sesuatu daripada Diri Pencipta. Penciptaan oleh Allah juga meliputi penciptaan segala perkara sama ada jauh atau 'arad serta keseluruhan sesuatu benda atau jujuk-juzuknya.

Selain itu, Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah percaya bahawa disebabkan Dia adalah pencipta, maka sudah tentu Dia bukan sebahagian daripada benda yang dicipta itu. Maka, dapat diketahui sifat Allah yang kadim dan kekal, sementara benda yang tercipta ada mula dan akhir dari sudut masa. Demikian juga, Allah tidak mempunyai benda dan bentuk yang mengisi DiriNya, berbeza dengan makhluk ciptaan yang mempunyai benda dan bentuk yang mengisi ruang untuk wujud.

Tambahan lagi, Allah sebagai pencipta diimani tidak memerlukan makhluk yang dicipta, kerana Dia tidak perlu sebarang manfaat atau terkesan daripada mudarat makhluk. Hal ini berkaitan juga dengan sifatNya yang telah sentiasa ada sebelum adanya makhluk dan akan terus kekal ada sentiasa apabila makhluk telah tiada. Ini menunjukkan Allah tidak memerlukan kepada kewujudan makhluk untuk wujud sejak sedia kala atau terus sahaja wujud selama-lamanya. Demikian juga, dapat diketahui bahawa sudah tentu Allah yang merupakan Pencipta segala-galanya bersifat dengan sifat Ahad.

Di sini, dapat diperhatikan fungsi rukun yang kedua di atas dalam pendekatan menafikan tasalsul penciptaan yang berterusan tanpa ada pencipta pertama, atau dikenali juga sebagai penghujahan kosmos (*cosmological argument*), untuk menunjukkan kewujudan Tuhan.<sup>10</sup> Pendekatan ini berdiri atas premis bahawa alam ini adalah makhluk baharu yang diciptakan. Ia adalah pendekatan yang dekat dengan keupayaan akal dan pancaindera manusia kerana alam memang boleh diperhatikan dan difikirkan secara langsung oleh manusia, berbanding Zat Allah itu sendiri yang terlalu agung untuk ditanggapi secara langsung.

### **Keempat: Allah Mempunyai Sifat<sup>11</sup>**

Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah beriman bahawa Allah mempunyai sifat. Sifat itu pula berdiri (*qā'im*) pada DiriNya, bukan sesuatu yang lain daripadanya. Dengan itu, sifat Allah adalah azali dan abadi yang merupakan kepunyaanNya. Sebaliknya, orang yang menafikan sifat adalah menafikan pemilik sifat. Dengan kata lain, jika dinafikan sifat bagi Allah, maka penafian itu secara langsung adalah penafian Pemilik sifat yang dinafikan tersebut, kerana Pemilik sifat dan sifat itu adalah sama.

Secara umumnya, mereka beriman bahawa Allah mempunyai segala sifat kesempurnaan yang amat banyak dan tidak terhitung.<sup>12</sup> Walau bagaimanapun, mereka hanya membincangkan beberapa sifat utama sahaja, iaitu sifat pengetahuan, kehidupan, kemahuan, kekuatan, penglihatan, pendengaran dan percakapan. Tujuh sifat yang disenaraikan ini, bukanlah bertujuan untuk menghadkan sifat-sifat Allah. Namun ia dipilih dan dianggap sebagai antara sifat-sifat utama yang mesti dibahaskan untuk membolehkan manusia mengenal Allah dengan baik. Dalam konteks Alam Melayu, sifat-sifat ini dibincangkan

---

<sup>9</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 255-257.

<sup>10</sup> Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Keyakinan Hakiki: Kewujudan Maha Pencipta dan Tugas Makhluk di Alam Semesta*, terj. Muhammad Sulaiman Yassin (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1996), 70.

<sup>11</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 257-260.

<sup>12</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 46.

dalam kerangka ilmu sifat dua puluh dan dikategorikan dalam kumpulan sifat *ma'ānī*, seperti perbincangan oleh Dāwūd bin Wān 'Abd Allāh al-Faṭānī dalam *al-Durr al-Thamīn*.<sup>13</sup>

Kehidupan adalah salah satu sifat kesempurnaan Allah. Walau bagaimanapun, kehidupan Allah bukan dengan bersandarkan kepada roh kerana roh adalah makhluk. Ia juga adalah syarat bagi kewujudan sifat lain seperti pengetahuan dan percakapan. Pengetahuan pula adalah sifat yang Ahad dan dengannya Allah mengetahui segala-galanya. Demikian juga, Allah mempunyai sifat kemahuan yang Ahad dan dengannya serta dengan pengetahuan berlaku segala-galanya. Dinamik yang sama juga adalah benar dengan sifat kekuatan yang Ahad dan dengannya Allah mencipta segala-galanya.

Allah juga bersifat dengan sifat penglihatan yang juga Ahad dan dengan sifat inilah Allah melakukan fiil melihat yang tidak terbatas. Berkaitan dengan soal penglihatan ini, Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah beriman bahawa Allah dapat dilihat oleh orang-orang Mukmin di Akhirat kelak dalam bentuk yang layak bagi keagunganNya. Selain itu, mereka beriman bahawa Allah juga mempunyai sifat pendengaran yang Ahad, yang melaluinya Allah melakukan kerja mendengar segala sesuatu yang boleh didengar. Kefahaman yang sama juga diyakini berkaitan dengan perihal sifat percakapan Allah yang Ahad lagi azali dan kadim. Dalam konteks ini, Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah beriman bahawa al-Qur'an adalah kalam atau percakapan Allah yang bukan makhluk.

Demikian antara sifat-sifat Allah yang ada dibahaskan untuk mempermudah lagi usaha manusia mengenaliNya. Dalam kerangka yang lebih luas, boleh diulas bahawa penegasan dan perbincangan mengenai sifat Allah ini adalah amat penting kerana hanya dengan sifat-sifat ini sahajalah manusia dapat mengenal Allah, seperti yang Dia sendiri nyatakan mengenai DiriNya dalam panduan wahyu, sama ada melalui al-Qur'an atau al-Hadith. Lanjutan daripada asas kefahaman ini juga, penafian sifat bagi Allah adalah secara tidak langsung bermaksud penafian pelbagai perkhawaran oleh Allah sendiri mengenai sifat DiriNya dalam wahyu. Sebaliknya, manusia tidak mampu menanggapi Zat Allah secara langsung, serta tidak dapat mengenaliNya tanpa melalui perantaraan perbincangan mengenai sifat, nama dan perbuatanNya.

### **Kelima: Allah Mempunyai Nama<sup>14</sup>**

Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah beriman bahawa Allah mempunyai nama. Nama itu pula mestilah terhenti atau terhad (*tawqifī*), iaitu diambil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah atau berdasarkan ijmak ummah yang sepakat bersetuju bahawa ia adalah nama Allah. Namun, adalah tidak boleh menetapkan nama bagi Allah berdasarkan kias perbandingan dengan apa-apa yang lain, seperti menamakan Allah sebagai Yang Taat (*Muṭī'*) sebagai kiasan perbandingan kepada tindakanNya yang dilihat sebagai taat apabila memenuhi permintaan hambaNya.

Dalam tema nama ini, al-Qur'an menyatakan di beberapa tempat bahawa bagi Allah ada nama-namaNya yang indah.<sup>15</sup> Kefahaman terhadap maksud ayat-ayat ini pula adalah jelas dan putus, berdasarkan ungkapan "bagi Allah (atau bagiNya) nama-nama yang indah" atau *wa li-Allāh* (atau *la-hu*) *al-asmā' al-ḥusnā*. Selain itu, ada suatu Hadith menyatakan bahawa Allah mempunyai 99 nama.<sup>16</sup> Malah, Hadith tersebut menyatakan bahawa sesiapa yang

<sup>13</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 51.

<sup>14</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 260-261.

<sup>15</sup> Al-Qur'an, al-A'rāf 7:180; al-Isrā' 17:110; Ṭāhā 20:8; al-Ḥashr 59:24.

<sup>16</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, dalam ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh, *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* (al-Riyād: Dār al-Salām, 2000), 1144, Hadith nombor 6809, *Kitāb al-Dhikr wa al-Du'ā' wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb fi Asmā' Allāh Ta'ālā wa Faḍl Man Aḥṣāhā*; Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā al-Tirmidhī, *Jāmi' al-Tirmidhī*, dalam ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh, *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* (al-Riyād: Dār al-Salām, 2000), 2012, Hadith nombor 3507, al-mu'jam 82, *Kitāb al-Da'awāt*.

mengingatinya, dengan maksud mengetahui dan beriman dengan nama-nama tersebut, maka orang itu dijanjikan Syurga oleh Allah di Akhirat kelak.

Seterusnya, dibincangkan bahawa nama Allah dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan. Pertamanya, nama yang menunjukkan Zat Allah, seperti al-Wāḥid (Yang Satu) dan al-Ghanī (Yang Kaya); keduanya, nama yang menunjukkan sifat Allah yang azali yang berdiri pada ZatNya, seperti al-Ḥayy (Yang Hidup) dan al-Qādir (Yang Kuasa); dan ketiganya, nama yang menunjukkan perbuatan Allah, seperti al-Khāliq (Yang Mencipta) dan al-‘Ādil (Yang Mengadili).

Demikian kepercayaan dasar Ahli ‘l-Sunnah wa ‘l-Jamā‘ah mengenai nama-nama Allah yang indah. Selain melalui sifat dan perbuatanNya, Allah juga dapat dikenali oleh manusia melalui nama-namaNya yang pelbagai. Menyedari bahawa Allah mempunyai nama serta mempertahankan nama Allah adalah sebahagian daripada ajaran akidah Islam yang benar. Dalam konteks ini, patut diiktiraf bahawa Allah itu sendiri adalah salah satu nama bagi Zat Yang Wajib Wujud, yang mencipta segala makhluk yang baharu ini. Malah, Allah adalah namaNya yang paling utama dan agung (*‘ism Allāh al-a‘zam*) dan merupakan sultan bagi segala namaNya (*sultān al-asmā’*).<sup>17</sup> Sebaliknya, menafikan atau merendah-rendahkan namaNya atau kepentingan nama-nama tersebut boleh dianggap sebagai penentangan secara langsung, atau sekurang-kurangnya salah faham, terhadap panduan al-Qur’an dan al-Hadith.

### **Keenam: Tindakan Allah Adalah Adil dan Berhikmat<sup>18</sup>**

Ahli ‘l-Sunnah wa ‘l-Jamā‘ah beriman bahawa Allah adalah pencipta segala-galanya, termasuk jisim dan sifat, kebbaikannya dan keburukannya, dan Dialah yang mencipta usaha (*aksāb*) manusia kerana tiada pencipta lain selain Allah. Sebaliknya, kepercayaan kepada pencipta selain Allah adalah suatu kesyirikan terhadapNya. Dalam pada itu, mereka beriman bahawa manusia mempunyai kemampuan (*istiṭā‘ah*) dan usaha (*iktisāb*) untuk melakukan perbuatan mereka sendiri. Mereka juga percaya bahawa manusia dapat mengusahakan pergerakan, kediaman, kemahuan, percakapan, pengetahuan dan pemikirannya.

Dalam hal ini, Ahli ‘l-Sunnah wa ‘l-Jamā‘ah berpegang secara wasatiah di antara dua ekstrem, iaitu ekstrem puak Qadariyyah yang mengandaikan bahawa manusia adalah pencipta bagi perbuatan mereka sendiri sehingga menafikan kuasa penciptaan Allah ke atas perbuatan manusia; dan ekstrem puak Jabariyyah yang mengandaikan bahawa manusia tidak mempunyai kemampuan dan usaha terhadap tindakan mereka sendiri sehingga meletakkan segala tanggungjawab perbuatan manusia atas Allah.<sup>19</sup>

Ahli ‘l-Sunnah wa ‘l-Jamā‘ah beriman bahawa keadilan dan hikmat perbuatan Allah meliputi pelbagai tema dan isu seperti hidayah, ajal, rezeki, taklif, malah dalam soal penciptaan. Dalam perkara hidayah, mereka menyatakan bahawa ia boleh diklasifikasikan kepada dua maksud. Pertamanya, dengan maksud menerangkan kebenaran, menyeru kepadanya dan menonjolkan dalil-dalilnya. Dalam maksud ini, tindakan memberi hidayah boleh disandarkan kepada manusia.

Keduanya, tindakan Allah memberi hidayah kepada manusia adalah dengan maksud Allah menciptakan petunjuk (*ihtidā’*) dalam hati manusia. Dalam maksud ini, tindakan memberi hidayah adalah kekhususan Allah sahaja dan tiada manusia yang berkuasa melakukannya. Sebaliknya, penyesatan (*iḍlāl*) pula adalah apabila Allah mencipta kesesatan (*ḍalāl*) dalam hati orang yang sesat. Secara keseluruhannya, Ahli ‘l-Sunnah wa ‘l-Jamā‘ah menyatakan bahawa sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka itu adalah atas keadilan Allah,

---

<sup>17</sup> Dāwūd bin Wān ‘Abd Allāh al-Faṭānī, *Ward al-Zawāhir li-Ḥill Alfāz ‘Iqd al-Jawāhir* (Kuala Lumpur: Khazānah al-Faṭāniyyah, 2000), 3, baris ke-10 hingga ke-6 dari bawah.

<sup>18</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 261-264.

<sup>19</sup> Al-Būṭī, *Keyakinan Hakiki*, 192.

manakala sesiapa yang diberikan hidayah oleh Allah maka itu adalah atas kurniaan (*fadl*) Allah.

### **Ketujuh: Allah Mengutus Para Nabi dan Rasul<sup>20</sup>**

Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah beriman dengan semua nabi dan rasul yang telah diutuskan kepada manusia. Apa yang dimaksudkan dengan kenabian adalah penurunan wahyu kepada seseorang daripada Allah melalui lisan malaikat, dan dalam masa yang sama nabi tersebut disokong oleh suatu bentuk karamat atau mukjizat yang melawan adat kebiasaan hukum alam. Manakala kerasulan pula adalah kenabian yang diberikan juga dengan suatu syariat baru yang memansuhkan syariat sebelumnya.

Dengan itu, dapat difahami bahawa konsep kenabian adalah lebih umum daripada konsep kerasulan.<sup>21</sup> Ini selaras dengan jumlah nabi yang dikatakan sebanyak 124,000 dalam suatu riwayat hadith atau 224,00 dalam suatu riwayat lain. Namun, mengehadkan jumlah mereka adalah tidak digalakkan kerana berkemungkinan besar pengehadan ini membawa kepada penambahan atau pengurangan jumlah para nabi.<sup>22</sup> Tambahan pula hadith yang meriwayatkan perjumlahan ini adalah hadith ahad yang hanya membawa pengetahuan zanni, yang tidak terpakai dalam perkara berkaitan akidah.<sup>23</sup>

Manakala jumlah rasul pula adalah sebanyak 313 orang. Rasul pertama ialah Nabi Adam a.s., dan rasul yang terakhir ialah Nabi Muhammad SAW. Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah juga beriman dengan Nabi Musa a.s. dan Nabi Isa a.s. Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah juga beriman bahawa Nabi Isa a.s. tidak dibunuh dan disalib, tetapi diangkat oleh Allah ke langit. Baginda akan turun kembali ke dunia selepas kemunculan Dajal, lalu membunuh Dajal, membunuh babi, mencurahkan arak, bersolat menghadap Kaabah, mendirikan Syariat Nabi Muhammad SAW dan beramal dengan ajaran al-Qur'an. Dengan kata lain, Syariat Muhammadiyyah adalah syariat muktamad yang memansuhkan semua syariat lain.

Selain itu, Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah mengkufurkan orang yang mendakwa dirinya sebagai nabi, sama ada sebelum atau selepas Nabi Muhammad SAW. Demikian juga, adalah kufur orang yang menyifatkan para nabi dan rasul sebagai tuhan, atau meletakkan taraf kenabian, kerasulan dan ketuhanan pada manusia biasa. Dalam pada itu, Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah berpegang bahawa para nabi adalah lebih afdal daripada para malaikat, dan juga mereka lebih afdal daripada para aulia. Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah juga beriman bahawa para nabi adalah maksum daripada sebarang dosa, termasuk dosa kecil, sedangkan cerita-cerita kesalahan (*zallāt*) para nabi ditakwilkan sebagai kejadian sebelum kenabian.

### **Kelapan: Para Nabi dan Rasul Mempunyai Mukjizat<sup>24</sup>**

Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah beriman bahawa para nabi mempunyai mukjizat. Mukjizat ditakrifkan sebagai perkara yang terzahir, yang berlawanan dengan adat kebiasaan atau hukum alam, yang berlaku kepada para nabi, yang mencabar kaum nabi tersebut, yang tidak dapat ditentang oleh kaum nabi tersebut, yang membuktikan kebenaran nabi tersebut.<sup>25</sup> Bagi setiap nabi ada sekurang-kurangnya satu mukjizat yang membuktikan kebenaran dakwahnya. Dengan itu, jatuh kewajipan orang yang mendengar dakwah tersebut untuk membenarkannya dan mentaati seruan tersebut.

---

<sup>20</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 264-265.

<sup>21</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 148.

<sup>22</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 152.

<sup>23</sup> Sa'd al-Dīn Mas'ūd bin 'Umar al-Taftāzānī, *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafīyyah* (al-Qāhirah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2000), 126.

<sup>24</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 266-267.

<sup>25</sup> Al-Būṭī, *Keyakinan Hakiki*, 266.

Selain itu, Islam juga mengajar bahawa para aulia Allah dikurniakan dengan keramat.<sup>26</sup> Dalam hal ini, Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah mengakui kemungkinan berlakunya keramat kepada wali Allah. Keramat (*karāmah*) adalah perkara berlawanan dengan adat kebiasaan atau hukum alam, yang berlaku kepada para aulia Allah, yang menjadi bukti kebenaran hal keadaan (*aḥwāl*) mereka sebagai insan mulia, seperti sifat mukjizat yang menjadi bukti kebenaran dakwah para nabi. Namun, keramat tidak bersifat mencabar kepada orang lain, malah mungkin ia sekadar tersembunyi diketahui oleh wali itu sahaja. Selain itu, penerima keramat belum tentu terus kekal dalam keimanan, dengan maksud wali yang telah dikurniakan keramat mungkin menyeleweng terkemudian daripadanya, seperti yang berlaku kepada Bal'am bin Bā'ūrā.

Bagi Nabi Muhammad SAW, mukjizat baginda termasuklah al-Qur'an.<sup>27</sup> Sebagai suatu mukjizat, al-Qur'an adalah berlawanan dengan adat kebiasaan dan peraturan alam sehingga pada aspek susunannya (*naẓm*). Dengan kata lain, susunan al-Qur'an merupakan suatu cabaran kepada orang yang mengingkarinya, yang gagal disahut atau ditentang cabaran tersebut. Selain itu, mukjizat Nabi Muhammad ialah terbelah bulan sebagai saksi kebenarannya atas cabaran yang dikemukakan oleh kaum kafir musyrikin, bertasbihnya batu-batu kecil dalam tangan baginda, keluar air daripada jari-jemari baginda dan berlebihan makanan yang sikit untuk jamuan orang ramai.<sup>28</sup>

### **Kesembilan: Islam Mempunyai Rukunnya<sup>29</sup>**

Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah beriman bahawa rukun Islam adalah lima iaitu: bersyahadah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa Ramadan dan menunaikan haji. Sebaliknya, orang yang mendakwa bahawa lima tonggak agama ini sebagai bukan suatu kewajipan, atau mentakwilkan kewajipan mendirikan dan menunaikan semua perkara tersebut dengan apa-apa kefahaman yang bertentangan, maka orang yang sedemikian telah jatuh kufur. Setahap dengan kepercayaan ini, dipercayai bahawa solat Jumaat adalah wajib didirikan.

Berkait dengan rukun agama ini, Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah turun beriman dengan kewajipan jihad, keharusan jual beli dan perkahwinan, serta keharaman riba dan zina. Mereka juga beriman dengan kewajipan mendirikan hukum hudud dan qazaf. Dalam pada itu, mereka berpegang bahawa sumber hukum ialah al-Qur'an, al-Sunnah dan ijmak. Demikian adalah menurut yang dinyatakan oleh al-Baghdādī dalam *al-Farq bayn al-Firaq*. Walau bagaimanapun, Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah secara umumnya telah bersetuju bahawa sumber hukum yang disepakati oleh para ulama ialah al-Qur'an, al-Sunnah, ijmak dan kias.

### **Kesepuluh: Allah Menurunkan Taklif Arahan dan Tegahan<sup>30</sup>**

Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah beriman bahawa taklif dalam kedua-dua arahan dan tegahan terdiri daripada lima kategori, iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram.<sup>31</sup> Begitupun, hukum taklif ini hanya terhad kepada manusia yang mukalaf sahaja, iaitu individu yang berakal dan cukup umur baligh.<sup>32</sup> Dengan itu, tiada taklif ke atas orang gila, kanak-kanak atau binatang.

Dalam pada itu, Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah berpegang bahawa taklif, sama ada dari segi kepercayaan, perkataan atau perbuatan, adalah ditentukan berdasarkan wahyu Allah.<sup>33</sup>

---

<sup>26</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 176.

<sup>27</sup> Al-Būṭī, *Keyakinan Hakiki*, 268.

<sup>28</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 159; al-Būṭī, *Keyakinan Hakiki*, 277.

<sup>29</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 267-268.

<sup>30</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 268-269.

<sup>31</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 18.

<sup>32</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 26.

<sup>33</sup> Al-Būṭī, *Keyakinan Hakiki*, 486.



Dengan kata lain, jika tiada ketentuan daripada Allah, maka perkara tersebut tidaklah menjadi arahan atau tegahan. Pegangan ini bertentangan dengan andaian bahawa taklif jatuh dengan keupayaan akal manusia memikirkannya,<sup>34</sup> sama ada bersumberkan ilham Ilahi atau daripada syaitan.

### **Kesebelas: Manusia Akan Fana dan Dihisab<sup>35</sup>**

Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah mengakui bahawa alam dan manusia ini akan fana pada hari Akhirat. Begitupun, mereka mengakui bahawa Allah berkuasa untuk memusnahkan hanya sebahagian daripada alam dengan mengekalkan sebahagian yang lain. Seterusnya, diakui bahawa pada hari Akhirat, Allah akan menghidupkan semula semua hidupan yang telah dimatikan di dunia, sama ada manusia atau haiwan, bertentangan dengan pendapat yang mengatakan bahawa Allah hanya akan menghidupkan manusia sahaja dan bukan haiwan lain.

Selain itu, mereka mengakui bahawa dalam alam kubur ada soal jawab antara malaikat dengan manusia.<sup>36</sup> Oleh itu, orang yang merupakan ahli azab sudah menghadapi azab sejak dalam kubur lagi. Mengenai alam Akhirat pula, mereka percaya kepada hakikat Kolam (*Hawḍ*) Nabi di Akhirat, Titian Sirat, Timbangan (*Mīzān*) Amal dan hakikat-hakikat lain yang ada dinyatakan dalam wahyu.<sup>37</sup> Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah juga yakin dengan kemungkinan syafaat daripada Nabi Muhammad SAW di Akhirat kelak dan daripada orang-orang salih kepada orang-orang yang beriman tetapi berdosa kepada Allah.

Selain itu, mereka percaya bahawa Syurga dan Neraka adalah makhluk ciptaan Allah. Selain itu, mereka percaya dengan kekekalan dan berterusannya Syurga serta kenikmatan di dalamnya dan Neraka serta keazaban di dalamnya ke atas puak musyrikin dan puak munafikin. Dalam pada itu, mereka percaya bahawa hanya orang kafir sahaja yang kekal dalam Neraka, manakala orang Muslim yang maksiat tetapi tidak kufur kepada Allah tidak kekal dalam Neraka.

### **Kedua belas: Mesti Melantik Pemerintah<sup>38</sup>**

Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah menyatakan bahawa mendirikan pemerintahan adalah suatu kewajipan ke atas ummah secara umumnya. Hal ini disebabkan hanya dengan adanya pemerintah sahaja urusan pentadbiran ummah dapat dilaksanakan dengan lebih teratur melalui pelantikan para kadi, hakim, pegawai dan kakitangan berkenaan. Malah, hanya dengan adanya pemerintah yang berkuasa sahaja keamanan ummah dapat dipertahankan dengan penubuhan dan pentadbiran pasukan tentera yang mengawal batasan geopolitik ummah dan juga pasukan polis yang mengawal ketenteraman awam.

Walau bagaimanapun, mereka menerima bahawa pendekatan untuk melantik pemerintah adalah suatu usaha ikhtiar melalui ijtihad. Dengan itu, dalam konteks semasa, apabila para ulama telah berijtihad untuk menerima pendekatan warisan keturunan sebagai penentu pemerintah ummah, atau untuk menerima pendekatan pemilihan awam dalam pilihan raya, maka pendekatan yang telah diterima dalam ijtihad para ulama tersebut boleh sahaja diamalkan dalam melantik pemerintah. Dengan kefahaman ini, boleh pula diinsafi bahawa ijtihad itu mungkin pula berubah pada masa akan datang berdasarkan perubahan keadaan pada ketika itu.

Lanjutan daripada kefahaman di atas, Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah percaya bahawa Nabi Muhammad SAW tidak pernah menentukan individu tertentu sebagai pemerintah selepas baginda secara nas. Hal ini berkaitan secara khususnya dengan puak Syiah yang

---

<sup>34</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 26.

<sup>35</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 269-270.

<sup>36</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 194.

<sup>37</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 200-209.

<sup>38</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 270-272.

mendakwa bahawa Nabi Muhammad SAW telah menentukan Saidina Ali r.a. secara nas untuk menjadi pemerintah ummah selepas kewafatan baginda. Sebaliknya, bertentangan dengan dakwaan ini, para sahabat dan umat Islam tidak sepakat mengenai siapa yang patut menjadi pemerintah selepas Nabi Muhammad SAW kerana nas berkenaan tidak mutawatir dan tidak difahami secara sepakat seperti kefahaman yang menjadi andaian puak Syiah. Oleh itu, mereka menerima pemerintahan Saidina Abu Bakar r.a. selepas Nabi Muhammad SAW, dan Saidina Umar r.a. selepasnya, dan Saidina Uthman r.a. selepasnya dan Saidina Ali r.a. selepasnya.

Selain itu, mereka mengakui bahawa pemerintah yang hendak dilantik disyaratkan berketurunan Quraisy. Ini adalah berdasarkan suatu Hadith yang menyatakan, “Pemerintahan daripada Quraisy,” atau *al-a’immah min Quraysh*.<sup>39</sup> Tambahan lagi, syarat yang diletakkan adalah berpengetahuan, adil dan mampu memerintah. Syarat pengetahuan adalah pada kadar pemerintah mampu memahami dan terlibat dengan ahli ijtihad dalam proses ijtihad. Syarat keadilan pula adalah sekadar hakim dalam menerima kesaksiannya. Namun, mereka tidak mensyaratkan agar pemerintah bersifat maksum dari dosa keseluruhannya.

### **Ketiga belas: Iman dan Islam Mempunyai Batasan<sup>40</sup>**

Ahli ’l-Sunnah wa ’l-Jamā’ah mentakrifkan konsep Iman dan Islam dengan menetapkan batasan yang boleh menentukan keimanan dan keislaman seseorang atau kekufurannya. Dalam perbincangan ini, mereka sepakat bahawa asal konsep Iman adalah pengetahuan dan membenaran (*taṣdīq*) dengan hati. Manakala fungsi ketaatan dalam percakapan dan perbuatan pula diperselisihkan, tetapi tetap dipertahankan bahawa segala amalan yang diwajibkan mesti dilaksanakan dan yang diharamkan mesti ditinggalkan.

Dengan itu, keimanan bukan sekadar kata-kata dengan lidah atau perbuatan dengan anggota badan, tanpa mempedulikan keikhlasan atau kemunafikan hati. Demikian juga sebaliknya, bagi mereka, keimanan tetap boleh kekal dalam hati seseorang Mukmin apabila melakukan maksiat, dengan maksud orang yang melakukan dosa tidak dianggap jatuh Imannya atau Islamnya lalu menjadi kafir.

### **Keempat belas: Manusia Mempunyai Hierarki Kemuliaan<sup>41</sup>**

Ahli ’l-Sunnah wa ’l-Jamā’ah menetapkan hierarki kemuliaan bagi para anbia yang lebih tinggi daripada para malaikat. Hal ini disebabkan kedua-dua kumpulan iaitu para anbia dan malaikat adalah maksum daripada sebarang dosa. Mereka juga menilai tinggi para anbia berbanding para aulia. Secara lebih khusus, selepas Nabi Muhammad SAW, mereka menyusun keutamaan para sahabat dalam satu senarai yang bermula dengan Khalifah Rasyidin, kemudian Ṭalhah bin ‘Ubayd Allāh, al-Zubayr bin al-‘Awwām, Sa’d bin Abī Waqqāṣ, Sa’id bin Zayd, ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awf dan akhirnya Abū ‘Ubaydah bin al-Jarrāh. Selepas itu, mereka memuliakan dan memandang tinggi kepada para sahabat yang berjihad dalam perang Badar, dan dalam perang Uhud, dan seterusnya para sahabat yang terlibat dalam perjanjian al-Riḍwān di Ḥudaybiyyah. Mereka mengiktiraf bahawa semua para sahabat ini adalah ahli Syurga.<sup>42</sup>

---

<sup>39</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 271; al-Taftāzānī, *Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafiyah*, 139. Hadith dengan matan yang berbeza tetapi dengan maksud yang sama ada diriwayatkan oleh Muslim. Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1004, Hadith nombor 4701, Kitāb al-Imārah, Bāb al-Nās Tabi’ li-Quraysh wa al-Khilāfah fī Quraysh; Abū Zakariyyā Muḥy al-Dīn Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi-Sharḥ al-Nawawī* (al-Qāhirah: al-Maṭba’ah al-Miṣriyyah bi al-Azhar, 1930), 12:200.

<sup>40</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 273.

<sup>41</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 273-274.

<sup>42</sup> Daud al-Fatani, *Mutiara Berharga*, 172.

### **Kelima belas: Islam dan Muslim Ada Musuh<sup>43</sup>**

Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah mengenal pasti musuh-musuh Islam dengan jelas. Dalam hal ini, orang bukan Islam ini boleh dikelompokkan dalam dua kumpulan besar. Kumpulan pertama ialah golongan kafir yang telah ada sejak sebelum perutusan Nabi Muhammad SAW, seperti para penyembah berhala, batu, manusia, gambar-gambar, api, matahari, bulan dan bintang, malaikat dan sebagainya. Secara umumnya, apabila dikenali puak-puak ini, maka mesti dipastikan bahawa umat Muslimin tidak boleh makan sembelihan mereka atau berkahwin dengan mereka dan dapat dikenal pasti hukum untuk pelbagai muamalat lain dengan puak-puak ini.

Selain itu, kumpulan besar yang kedua adalah golongan kafir yang muncul ketika zaman Islam, yang sebahagiannya menzahirkan keislaman mereka pada luaran tetapi pada hakikatnya hati mereka kufur dengan Islam. Contoh puak-puak ini adalah seperti Ghulāt Rafidah dan Batiniyyah yang berpegang dengan pelbagai kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Apabila sudah dikenali dan ditentukan, maka ajaran Islam mempunyai ajaran dan hukum tertentu dalam melakukan muamalat dengan puak-puak ini.

Pengenalan dan pengenalanpastian puak-puak ini adalah penting dalam rukun akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah kerana dengannya dapat dilengkapkan dan disempurnakan pengetahuan mengenai apa yang benar dan apa yang salah, serta siapa yang berpegang dengan kebenaran dan kesalahan. Dengan itu, kebenaran dan orang yang benar dapat dihargai dan diikuti, manakala kesalahan dan orang yang salah dapat dijauhi dan dielakkan. Dengan itu, tidak lagi berlaku salah faham atau campur aduk antara kedua-duanya.

### **Penutup**

Pembentangan di atas secara ringkas menyenaraikan rukun-rukun utama dalam akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah yang boleh menggambarkan konsep, dasar dan ciri-cirinya. Secara umumnya, rukun-rukun itu meliputi persoalan epistemologi, ketuhanan, kenabian, alam ghaib dan kepimpinan ummah. Pembentangan ini adalah secara khususnya berdasarkan pemikiran al-Baghdādī dalam *al-Farq bayn al-Firaq*. Walau bagaimanapun, ia turut ditambah dengan maklumat daripada ulama-ulama lain seperti Dāwūd al-Faṭānī dalam karyanya *al-Durr al-Thamīn*. Ia juga ditambah dengan beberapa ulasan di tempat-tempat yang difikirkan relevan.

Sebagai rumusan terakhir, boleh dilihat bahawa akidah Ahli 'l-Sunnah wa 'l-Jamā'ah mempunyai konsep yang mudah dikenali dan difahami. Dasarnya pula adalah pengakuan terhadap keagungan Allah yang merupakan Pencipta segala-galanya, di samping mengambil tanggungjawab terhadap tugas manusia yang patut diterima dan dilaksanakan. Hal ini disebabkan sistem akidah ini bersumberkan wahyu dan penelitian akal yang sihat dan seimbang. Oleh itu, dapat diinsafi cirinya yang sederhana dan wasatiah. Akhirnya, boleh dianjurkan agar panduan yang dibentangkan secara ringkas di sini, dengan tambahan daripada rujukan lain yang muktabar, dijadikan indeks akidah untuk masyarakat Melayu Muslim di Malaysia.

---

<sup>43</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 274-280.